

Hindari perkara negatif dalam alam siber

IMPAK populariti segera terhadap remaja perlu disokong dan dipantau oleh ibu bapa dan juga rakan-rakan di alam maya bagi mengelak wujudnya kesan negatif kepada mereka.

Pada hari ini, ramai golongan belia mula melibatkan diri dalam pelbagai genre aplikasi yang melahirkan selebriti viral dan pada masa sama membuka peluang kepada pembulian siber.

Menurut Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Haslinda Abdullah, golongan belia perlu dilatih untuk memahami sebab dan akibat sesuatu tindakan sebagai persediaan bagi menangani kemungkinan mendatang.

"Pada masa kini, alam siber merupakan satu dunia baharu yang menjadi tempat kebanyakan golongan belia menghabiskan masa bersosial dan ini menuntut kemahiran sosial yang berbeza berbanding tradisional.

"Trend belia terkini yang tertumpu kepada alatan digital menyebabkan mereka kurang bergaul tetapi pada masa sama ingin dikenali dan menjadikan media sosial sebagai tempat untuk platform populariti," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, belia perlu ada strategi dalam menjalani kehidupan sosial maya yang positif, melibatkan orang lebih dewasa dan rakan-rakan juga perlu bagi memberi sokongan kepada mereka.

Ini berikutan setiap perbuatan yang mendapat perhatian pelayar media sosial bukan sahaja mendapat pujian tetapi mengundang kritikan negatif yang juga dikenali sebagai pembuli siber.

Hal ini merupakan salah satu serangan psikologi yang boleh mengganggu emosi serta pertimbangan rasional sekiranya ia ditanggung sendiri oleh belia.

Pemantauan dan perbincangan bersama ibu bapa amat diperlukan dalam memastikan setiap aktiviti alam maya golongan remaja tidak mengetengahkan perkara yang boleh mengundang impak negatif.

Haslinda turut menambah, masyarakat juga perlu menilai sesuatu impak viral itu dari sudut positif bagi membuka ruang untuk komuniti siber yang saling mendukung antara satu sama lain.



HASLINDA